

Syukur bencana tidak teruk

Tampin: “Walaupun banjir kali ini merosakkan banyak harta benda, kami bersyukur kerana ia tidak seteruk bencana sama yang melanda pada 2011,” kata Rosli Mat Zin, 48, penduduk Taman Pinggiran FELDA, Gemas di sini, yang dilanda banjir kilat, kelmarin.

Rosli berkata, walaupun ditimpa musibah itu, dia bersyukur kerana paras banjir terbabit hanya setengah meter.

“Pada 2011, air mencecah paras empat meter dan menghampiri paras bumbung.

“Tambahan pula, tahun ini, penduduk membuat persediaan awal bagi berdepan banjir kilat,” katanya ketika ditemui di kediamannya, semalam.

Menurut Rosli, sejak ting-



ROSLI (kanan) mengemas rumah yang dilanda bah.

gal di situ lapan tahun lalu, ia kali keempat kawasan berkenaan dilanda banjir.

“Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dilaksanakan kerajaan dengan mendalamkan sungai Kelamah mengurangkan kesan akibat banjir. Ia mempercepatkan aliran air,” katanya.

Menurut Rosli, dalam ke-

jadiannya jam 10 pagi kelmarin, dia di rumah sebelum air Sungai Kelamah melimpah dan membanjiri kawasan berkenaan.

“Jarak rumah saya dengan sungai hanya 50 meter dan kali ini, saya kerugian RM5,000 kerana perabot serta beberapa perkakasan rumah rosak,” katanya.